

# Mahathir usulkan formula atasi perebutan kerusi

30 JUN 1986

KOTA KINABALU, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengusulkan satu formula bagi menyelesaikan perebutan kerusi Parlimen di Sabah tidak lama lagi.

Perdana Menteri yang dijadualkan melawat Sabah minggu depan akan menemui semua tiga parti komponen Barisan Nasional di negeri ini — Parti Bersatu Sabah (PBS), Berjaya dan Usno.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN Pusat, mungkin memben-

tangkan satu formula bagi menyelesaikan perebutan bilangan kerusi yang bakal di tandangi oleh parti-parti komponen BN itu.

## Menentang

Sebelum ini timbul pendirian yang ber-canggah di kalangan PBS, Usno dan Berjaya mengenai pembahagian 20 kerusi Parlimen di Sabah menjelang pilihanraya umum akan datang.

PBS dikatakan menentang keras formula 10:6:4 yang pernah

dibayangkan oleh Berjaya dan Usno kerana menganggap ia merugikan PBS.

Datuk Seri Dr Mahathir juga dijangka menjelaskan mengenai penggunaan simbol yang akan digunakan oleh parti-parti berkenaan dalam pilihanraya nanti.

Beberapa kenyataan dari PBS baru-baru ini menunjukkan ia mahu bertanding menggunakan simbol parti masing-masing dan bukan lambang Barisan Nasional.

Bagaimanapun, Usno dan Berjaya membidas kehendak PBS itu dan menganggap pendirian PBS hanya mengutamakan kepentingan parti daripada kepentingan negara dan rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir juga dijangka menekankan pentingnya kerjasama antara parti-parti komponen BN di Sabah demi perpaduan rakyat berbilang kaum dan pembangunan negara keseluruhannya.